



Belanjawan 2025 Pemangkin Ekonomi MADANI

Saban tahun kakitangan kerajaan akan menunggu pembentangan belanjawan oleh Menteri Kewangan dalam sidang Dewan Rakyat untuk mengetahui sama ada mereka akan mendapat

imbuan gaji atau bonus pada tahun hadapan. Namun begitu, maksud dan konteks belanjawan Kerajaan Persekutuan adalah lebih luas daripada itu dan harus diambil berat oleh semua pihak termasuklah individu, peniaga, pemain

industri dan juga pelabur. Hal ini demikian kerana belanjawan merupakan hasrat dan perancangan Kerajaan Persekutuan untuk mengurus fiskal kewangan pada tahun hadapan dengan memastikan setiap perbelanjaan yang dirancang, sama ada perbelanjaan mengurus atau perbelanjaan pembangunan akan memberikan impak yang diharapkan sejajar dengan pembangunan ekonomi yang mampan dan peningkatan kualiti hidup rakyat.

Belanjawan 2025 akan dibentangkan oleh YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim, Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan pada 18 Oktober 2024. Belanjawan 2025 merupakan belanjawan yang ketiga di bawah pemerintahan Kerajaan MADANI. Banyak penganalisis menjangkakan

bahawa belanjawan pada kali ini akan berteraskan konsep Ekonomi MADANI yang akan menjadikannya berbeza daripada belanjawan sebelumnya. Ekonomi MADANI yang dilancarkan pada 27 Julai 2023 menetapkan tujuh penanda aras utama sebagai sasaran jangka masa sederhana yang ingin dicapai dalam tempoh 10 tahun. Dalam hal ini, Belanjawan 2025 pastinya akan menjadi platform pencetus untuk mencapai sasaran tersebut.

Tujuh penanda aras Ekonomi MADANI yang ditetapkan oleh kerajaan ialah Malaysia berada pada kedudukan antara 30 ekonomi terbesar di dunia; Indeks Daya Saing Global pada tangga ke-12 teratas dunia; peratusan pendapatan buruh mencapai 45% daripada jumlah keseluruhan pendapatan; kadar penyertaan wanita dalam tenaga buruh mencapai 60%; Indeks Pembangunan Manusia pada tangga 25 teratas dunia; Indeks Persepsi Rasuah pada tangga 25 teratas dunia; dan kemapanan fiskal dengan defisit fiskal mencapai tiga peratus atau lebih rendah.

Untuk meletakkan Malaysia pada kedudukan antara 30 negara ekonomi terbesar dunia, sewajarnya rakyat melihat kedudukan terkini Malaysia. Berdasarkan statistik Bank Dunia, pada tahun 2023 Malaysia berada pada kedudukan ke-35 ekonomi terbesar dunia. Emiriah Arab Bersatu yang merupakan negara ekonomi ke-30 terbesar di dunia dan mempunyai Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) melebihi Malaysia, iaitu sebanyak RM194 bilion (11% daripada KDNK Malaysia). Sasaran ini tidak mustahil dicapai oleh Malaysia dalam masa 10 tahun dan Belanjawan 2025 akan memastikan bukan sahaja KDNK akan terus meningkat positif dengan

peratusan yang lebih tinggi, bahkan pendapatan rakyat juga akan ditingkatkan. Hal ini bertujuan untuk memastikan KDNK per kapita turut tinggi yang menyaksikan pada tahun 2023, KDNK Malaysia berada pada tangga ke-67 dunia. Dalam hal ini, beberapa inisiatif untuk meningkatkan pendapatan rakyat telah dilakukan oleh kerajaan seperti menaikkan gaji minimum kepada RM1,500, pengenalan gaji progresif dan pelarasan gaji penjawat awam. Dijangkakan, dalam Belanjawan 2025 akan menyaksikan penambahbaikan ke atas gaji minimum dan struktur gaji progresif akan terus diutamakan.

Yang menariknya mengenai penanda aras Indeks Daya Saing Global ialah Malaysia pernah berada pada tangga ke-12 dunia pada tahun 2014. Hal ini menunjukkan bahawa tidak mustahil untuk Malaysia kembali ke tahap tersebut meskipun pola menunjukkan penurunan Daya Saing Global yang berterusan sehingga menyebabkan Malaysia kini berada pada kedudukan ke-34. Untuk mencapai penanda aras itu, Belanjawan 2025 akan menumpukan

Berdasarkan statistik Bank Dunia, pada tahun 2023 Malaysia berada pada kedudukan ke-35 ekonomi terbesar dunia.

kepada penambahbaikan dasar, polisi dan inisiatif untuk menggalakkan pelaburan dan perdagangan antarabangsa, selain memperkasakan ekonomi dan meningkatkan kemahiran pekerja. Kecekapan pengurusan kewangan kerajaan akan turut dipertingkat seiring dengan hasrat kerajaan untuk memastikan kecekapan perniagaan dan pembangunan infrastruktur berkaitan dengan teknologi, saintifik, kesihatan, alam sekitar dan pendidikan.

Pencapaian penanda aras pendapatan buruh merupakan antara cabaran yang paling besar sekali kepada kerajaan, namun inilah yang menjadi agenda utama kerajaan MADANI, iaitu untuk meningkatkan kualiti hidup rakyat seiring dengan peningkatan gaji yang lebih bermaruah. Sebagai rekod, Malaysia pernah mencapai peratusan pendapatan pekerja sebanyak 37.4% daripada KDNK pada tahun 2020, iaitu sebelum pandemik COVID-19 melanda yang menyebabkan bukan sahaja ekonomi negara terjejas, malah turut memberikan kesan langsung kepada ekonomi majikan dan pekerja yang berlaku penurunan peratusan kepada 33% pada tahun 2023. Namun begitu, inisiatif seperti gaji minimum dan gaji progresif dijangka akan mula menunjukkan hasilnya dalam beberapa tahun akan datang. Belanjawan 2025 berkemungkinan akan memberikan lebih banyak inisiatif kepada majikan untuk meningkatkan produktiviti dan pendapatan perniagaan mereka sekali gus membolehkan mereka menaikkan lagi gaji pekerja.

Kadar penyertaan wanita dalam tenaga buruh pada tahun 2023 ialah 56.2%, jumlah ini meningkat daripada 55.6% pada tahun 2022. Oleh itu, penanda



aras bagi kadar penyertaan wanita adalah sebanyak 60% dan jumlah ini bakal dicapai dengan cepat melalui pewujudan pelbagai inisiatif di bawah Belanjawan 2025. Antara inisiatif tersebut termasuklah menyediakan pusat penjagaan anak di setiap bangunan pejabat dan komersial serta insentif kepada majikan untuk memperkenalkan waktu bekerja yang lebih anjal dan fleksibel.

Pencapaian penanda aras Indeks Pembangunan Manusia pada tangga 25 teratas dunia akan membuktikan bahawa rakyat Malaysia mempunyai kehidupan yang lebih sihat dan umur yang panjang, mempunyai tahap pendidikan yang tinggi dan menikmati kualiti hidup yang baik. Oleh itu, untuk mencapainya, sektor pendidikan dan kesihatan akan berterusan kekal sebagai dua sektor yang akan menerima peruntukan perbelanjaan yang tertinggi dalam Belanjawan

Pembinaan infrastruktur seperti pencawang telekomunikasi akan diperhebat supaya liputan Internet 5G dapat diperluas ke seluruh pelosok negara.

2025. Pembangunan, penyelenggaraan dan pembaikan infrastruktur seperti bangunan sekolah, hospital dan klinik akan diteruskan di bandar dan luar bandar. Pembinaan infrastruktur seperti pencawang telekomunikasi akan diperhebat supaya liputan Internet 5G dapat

diperluas ke seluruh pelosok negara. Kerajaan berkemungkinan akan memperkenalkan lebih banyak inisiatif untuk membantu golongan B40 dan M40 terutamanya belia untuk memiliki alat peranti elektronik yang lebih murah termasuk pelan data yang lebih berpatutan.

Laporan daripada EMIR Research menganggarkan bahawa Malaysia mengalami kerugian akibat rasuah sebanyak RM4.5 trilion sepanjang 26 tahun, iaitu dari tahun 1997 hingga tahun 2022. Sebagai perbandingan, pada tahun 2017, kutipan cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) ialah RM60.5 bilion, namun EMIR Research menganggarkan kerugian akibat rasuah pada tahun itu mencecah RM130 bilion. Hal ini bermakna, kutipan cukai yang tinggi tidak akan bermakna jika kesemua kutipan itu tidak sampai kepada penerima yang layak jika negara masih bergelut dengan gejala

rasuah. Hal inilah yang menyebabkan kerajaan MADANI di bawah pimpinan YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim berusaha untuk memerangi sepenuhnya gejala rasuah dan ketirisan yang menyaksikan Belanjawan 2025 akan memfokuskan kepada penggubalan Akta Kewangan Awam dan Tanggungjawab Fiskal termasuk reformasi cukai dan insentif kepada pemberi maklumat atas salah laku perasuah. Jika ini semua berlaku, tidak mustahil Malaysia akan mencapai kedudukan ke-25 dunia di bawah Indeks Persepsi Rasuah sekali gus mencapai penanda aras keenam dalam Ekonomi MADANI.

Malaysia berkemungkinan akan mencapai penanda aras ketujuh dalam Ekonomi MADANI berdasarkan pola sejak tahun 2022 yang menunjukkan penurunan defisit fiskal daripada -6.4% pada tahun 2021 kepada -5.5% pada tahun 2022 dan seterusnya -5% pada tahun 2023. Jika berlaku penurunan 0.5% setiap tahun, penanda aras ketujuh akan dapat dicapai pada tahun 2027, iaitu hanya selepas empat tahun Ekonomi MADANI diperkenalkan. Semasa YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim menjadi Menteri Kewangan kali pertama pada tahun 1990 sehingga tahun 1998, beliau berjaya menurunkan defisit fiskal daripada -2.9% pada tahun 1990 kepada lebihan fiskal sebanyak 2.4% pada tahun 1997. Hal ini bermakna, berdasarkan peningkatan hasil kerajaan persekutuan pada setiap tahun, pola semasa defisit fiskal yang menurun dan juga pengalaman luas YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim selaku Menteri Kewangan, penanda aras ketujuh akan mampu dicapai sekali gus memastikan kemapanan pengurusan kewangan Kerajaan Persekutuan.

Sudah tentu rasionalisasi perbelanjaan mengurus kekal penting dalam memastikan kemapanan ini dan rakyat akan melihat perkara itu berlaku dalam Belanjawan 2025.

Teks ucapan Belanjawan 2024 merupakan antara teks ucapan yang terpanjang pernah dibentangkan merangkumi 112 muka surat dan 293 perenggan. Hal ini demikian kerana Kerajaan MADANI mengambil pendekatan untuk memastikan tiada rakyat dan golongan yang terlepas daripada sebarang inisiatif atau bantuan daripada kerajaan. Pendekatan yang diambil adalah dengan mengurangkan peruntukan untuk projek infrastruktur mega dan lebih terarah kepada bantuan fiskal dan inisiatif secara langsung kepada rakyat dan perniagaan. Belanjawan 2025 akan mengambil pendekatan yang serupa dan akan membawa penambahbaikan ke atas inisiatif yang sedia ada di samping pengenalan inisiatif baharu selaras dengan keperluan semasa dan global. Dapatan maklumat daripada pelbagai sumber termasuk pangkalan data PADU akan membantukan kerajaan merencana inisiatif dan bantuan yang lebih berimpak tinggi dan mampan untuk disalurkan kepada rakyat dan perniagaan.

Fokus utama kerajaan akan kekal, iaitu untuk memperkembangkan ekonomi negara dan meningkatkan kualiti hidup rakyat. Pada masa ini, peningkatan kualiti hidup rakyat adalah dari segi menaikkan kadar gaji kepada kadar yang lebih bermaruah supaya rakyat mempunyai lebihan pendapatan yang dapat digunakan untuk simpanan dan pelaburan. Hal ini mampu merapatkan jurang ketidaksamaan pendapatan antara rakyat.

Namun begitu, kerajaan juga perlu memberikan perhatian terhadap jurang ketidaksamaan kekayaan atau harta.

Laporan Bank Negara Malaysia pada tahun 2022 mendapati 76% isi rumah berpendapatan atau kurang daripada RM8,333 sebulan dengan mereka hanya mampu memiliki rumah berharga sehingga RM300,000. Namun begitu, hanya 36% daripada unit perumahan yang baharu dilancarkan berharga kurang daripada RM300,000. Sebuah rumah dianggap mampu milik jika harga rumah berbanding dengan pendapatan tahunan adalah sama atau kurang daripada tiga kali ganda. Pada peringkat kebangsaan, harga rumah di Malaysia adalah sangat tidak mampu milik apabila mencatatkan 4.7 kali ganda perbandingan pada tahun 2020.

Pada masa yang sama, Jabatan Perangkaan Malaysia merekodkan 1.9 juta daripada 9.6 juta kediaman di seluruh negara tidak didiami pada tahun 2022. Hal ini bermakna golongan kaya di Malaysia berterusan membeli lebih banyak rumah yang berharga lebih daripada RM300,000 untuk dijadikan rumah sewa, manakala syarikat perumahan berterusan membina rumah berharga lebih RM300,000 untuk dijual kepada golongan kaya untuk mendapatkan keuntungan yang lebih tinggi. Belanjawan 2023 dan Belanjawan 2024 tidak menyediakan inisiatif untuk membantu golongan M40 dan belia untuk memiliki rumah melalui alternatif pembiayaan seperti "Musharakah Mutanaqisah" atau "sewa untuk beli" yang tidak melalui institusi kewangan.

Dalam hal ini, kerajaan perlu memastikan bahawa Belanjawan 2025 menyediakan kemudahan tersebut melalui



koperasi atau Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB). Konsep yang tidak berasaskan riba ini akan membolehkan individu memiliki rumah dengan lebih cepat dan tidak dibebankan dengan kadar faedah yang tinggi yang dikenakan oleh pihak bank.

Selain itu, diharapkan Belanjawan 2025 akan mula memperkenalkan dan memperkasakan lebih banyak lagi inisiatif pembiayaan kewangan yang tidak melibatkan institusi kewangan seperti pendanaan ekuiti awam (ECF) kepada syarikat, pinjaman *Qardhul Hassan* kepada individu, serta memperbanyak lagi kempen untuk tidak berhutang kepada rakyat. Hal ini memandangkan gejala keterhutangan isi rumah sudah melebihi RM1.73 trilion (melebihi hutang Kerajaan Persekutuan) dengan tidak mengambil kira keterhutangan melalui skim "Beli Dahulu, Bayar Kemudian". Gejala keterhutangan yang tinggi mendaratkan

kerugian kepada kerajaan sekiranya kerajaan berjaya meningkatkan pendapatan rakyat tetapi kualiti hidup rakyat kekal di takuk lama atau lebih teruk.

Kerajaan juga boleh memberikan komitmen untuk mengurangkan hutang dengan melakukan inisiatif mengurangkan pengambilan pinjaman pada peringkat Kementerian Kewangan. Kerajaan boleh mengamalkan sistem *muqassah* atau *netting* dengan tidak perlu mengambil hutang baharu untuk melaksanakan bantuan fiskal kepada rakyat tetapi boleh memberikan e-baucar kepada penerima yang layak untuk mendapatkan barangan dan perkhidmatan asas. Peniaga yang menerima e-baucar ini boleh menebus kembali bayaran tersebut apabila mereka membayar cukai pendapatan syarikat dengan hanya perlu membayar cukai yang telah dikontrakan dengan nilai e-baucar tersebut. Cara ini membolehkan kerajaan memberikan bantuan fiskal tanpa perlu berhutang yang

sudah tentunya melibatkan kadar faedah tertentu.

Walaupun Belanjawan 2025 tidak mampu menyelesaikan segala masalah rakyat, peniaga dan ekonomi negara secara keseluruhan, setiap inisiatif yang diumumkan sudah pasti menuju ke arah usaha itu. Perkara yang perlu menjadi keutamaan kepada kerajaan MADANI adalah dengan memastikan pelaksanaannya dilakukan dengan cekap dan efektif. Namun begitu, semua ini tidak akan menjadi kenyataan tanpa komitmen penjawat awam dan kerjasama pemegang taruh seperti sektor swasta, peniaga, komuniti dan isi rumah. Hanya dengan iltizam dan semangat bangsa Malaysia MADANI yang akan membolehkan hasrat kerajaan tercapai untuk meningkatkan ekonomi negara dan juga menyejahterakan rakyat. 

Profesor Madya Dr. Ahmed Razman bin Abdul Latiff merupakan Pengarah Program MBA, Putra Business School.